



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 23 OGOS 2024 (JUMAAT)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ	STUDY SHOWS HIGH TOXIN LEVELS AT PJ'S TASIK AMAN
2.	KOSMO	MBSA	HUJAN LEBAT, AIR PASANG PUNCA BANJIR
3.	UTUSAN MALAYSIA	DBKL	3 'WANITA BESI' PENGUAT LANGKAH REFORMASI, INTEGRITI TINGGI DBKL

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	- LAKE DEGAZETEMENT IN KEPONG FOR ZONING REASON - HIGH HOPES FOR A CORRUPTION-FREE ADMINISTRATION
2.	SINAR HARIAN	- KDN LAKSANA PUSINGAN KERJA LEBIH KERAP, BENDUNG SALAH LAKU - JANGAN MUDAH TERTIPU DEEPPAKE AI - EKONOMI MADANI: ENAM PENANDA ARAS DI LANDASAN TEPAT CAPAI SASARAN - RM30,000 BANTU BELIA MILIKI RUMAH PERTAMA - PELUANG ANAK MUDA MILIKI RUMAH PERTAMA - PERKASA SOSIOEKONOMI, PENDIDIKAN
3.	HARIAN METRO	- PROJEK DIJANGKA SIAP SEPENUHYA HUJUNG TAHUN INI - PERTIMBANG SEBAT PENGUAT KUASA MAKA RASUAH
4.	KOSMO	- PUSINGAN KERJA KERAP ELAK RASUAH - PERKASA WANITA AKAR UMBI SELANGOR - DERITA BAU BUSUK TAPAK SAMPAH HARAM DI IJOK - PNB KOMITED TINGKATKAN KEKAYAAN BUMIPUTERA
5.	BERITA HARIAN	- KERAJAAN CUKUP DANA LAKSANA INISIATIF DEPOSIT MADANI - KIBAR JALUR GEMILANG ZAHIR PATRIOTISME RAI HARI KEBANGSAAN - KERANGKA EKONOMI MADANI DI LANDASAN BETUL CAPAI SASARAN - LEBIH 4.3 JUTA DAPAT MANFAAT MSAM - KADAR SUAPAN DIMINTA IKUT NEGARA - E-INVOIS TINGKAT KUTIPAN CUKAI SEHINGGA RM260b - KERJASAMA SEMUA PIHAK JAYAKAN PELAN TANGANI PERUBAHAN IKLIM
6.	UTUSAN MALAYSIA	- OPR DIJANGKA KEKAL HINGGA HUJUNG TAHUN - MASYARAKAT KITA SEMAKIN PINCANG HARI DEMI HARI
7.	NEW STRAITS TIMES	- UPDATE REGULATIONS TO BETTER PROTECT YOUNGSTERS FROM ONLINE HARMS - PRIORITIES THE HUMAN TOUCH INSTEAD OF AI - CIVIL SERVICE APPRAISAL SYSTEM MUST BE JUST
8.	THE SUN	- MALAYSIA'S INFLATION REMAINS AT 2% IN JULY - CIVIL SERVANTS CONCERNED ABAOUT PRICE HIKES - GOVT COMMITTED TO ENHANCING ENSE OF DOING BUSINESS: DEPUTY MINISTER - MANDATORY WHIPPING STRICT MEASURE TO TACKLE CORRUPTION

Study shows high toxin levels at PJ's Tasik Aman

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

A RECENT six-month study has revealed the presence of harmful algal bloom toxins at the lake in Taman Aman, Petaling Jaya in Selangor.

Researchers from Universiti Malaya (UM) and Monash University Malaysia found four types of toxins, namely microcystin LR, microcystin RR, cylindrospermopsin and nodularin in Tasik Aman.

"While microcystin LR and RR were found in significant quantities, cylindrospermopsin and nodularin were present in negligible amounts," Monash School of Science lecturer Dr Michelle Yap Khai Khun told *StarMetro* at the High Impact Research Building in UM.

Citing the World Health Organization (WHO) provisional guidelines, she said the microcystin levels in the lake water were within permissible levels for recreational purposes.

"But, we strongly advise lake users and visitors not to carry out any fishing activities or consume aquatic food and water sources from the lake.

"This is because the toxin levels in the lake are not within safe consumption as determined by WHO.

"We have been seeing people



Yap showing the on-site rapid toolkit called MicStrip for citizen scientists to test the presence of microcystin in aquatic bodies.



The public is advised not to consume anything from the lake in Taman Aman, Petaling Jaya.

fishing and putting fishing traps, but we don't know if they eat the fish.

"Do not consume any food and water from this lake.

"The microcystins are known to cause liver failure," she said.

There are signs put up by the Petaling Jaya City Council (MBPJ) warning the public not to fish at the lake.

If someone accidentally fell into the water, Yap said, the per-

son might suffer from itchy skin and skin irritation.

Yap is part of the research team led by project leaders from UM Research Management Department and UM Centre for Civilisational Dialogue (UMCCD).

The centre and fellow research officer Chang Lee Wei had secured the Petaling Jaya Social, Environment and Economy Development (SEED) grant, funded by MBPJ last year.

Their project seeks to enhance sustainable water systems and bolster ecosystem resilience in Klang Valley.

A *StarMetro* report on May 24 highlighted the researchers' collaboration on gathering data from Tasik Aman to find the reason for its decline, after microalgae invaded the lake.

Yap said at present, the detection and measurement of these toxins were generally lab-based.

For timely detection of the toxins, they are developing an in situ and on-site rapid toolkit called MicStrip for citizen scientists to test the presence of microcystin.

She said key features of the testing kit included portability for field use, user-friendly interface and timely monitoring, while it did not require specialised equipment.

She said the kit would be bundled with personal protective equipment (PPE) and user guide, but at the moment, it was in prototype form.

Yap expects to start field testing using the kits by mid-October this year.

Chang said the project had received positive feedback from MBPJ.

"The city council has agreed to come on board to organise a mini exhibition about water quality at the end of November in Taman Aman," he said.

Friends of Taman Aman (Fota) chairman R. Thayakugan welcomed the collaboration from researchers.

"The exhibition will allow our members and the public to learn how to do water testing using the kit.

"This is a good effort. It will ease the work of MBPJ as the public will also be able to assist them," he said.

THE STAR

23 AUG 2024

Tarikh:.....

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

THE planned degazettement of Taman Tasik Intan Baiduri in Kepong is to restructure the site to align with its purpose and zoning, says Kuala Lumpur Lands and Mines Office (PTGWP).

Its deputy director (Management Services sector) Ahmad Fuad Mustafa said currently the area comprised one plot measuring 16.65ha.

"The proposal from Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is to separate it into three plots according to its land use," he said.

The proposal entails degazetting Lot 80810 to regazette three reserves totalling 25.145ha.

He said this would lead to a retention pond reserve of 17.297ha (plot 1), 3.696ha open space reserve (plot 2) and 4.152ha nursery reserve (plot 3).

Ahmad Fuad said this during the public hearing session for the proposed revocation of the lake's current status for public purposes at PTGWP's premises in Jalan Sultan Hishamuddin.

Also present during the session were representatives from DBKL.

On concerns that the nursery reserve could be used for future development, Ahmad Fuad said if so, a similar degazettement process would have to be carried out.


"If there is a proposal for a project, we would still have to call for a public hearing session as it would involve a change in land use.

"The public can send in their objections then," he said.

There was lukewarm response as only a handful of people turned up for the morning public hearing session.

'Lake degazettement in Kepong for zoning reason'

Separation of Taman Tasik Intan Baiduri into three plots based on land use, says PTGWP



Yee (right) at the public hearing session for the proposed revocation of Taman Tasik Intan Baiduri's current status for public purposes in Kuala Lumpur. — Photos: RAJA FAISAL HISHAN/The Star

One of those present was community activist Yee Poh Ping.

"During the hearing, DBKL said the degazettement is not intended for any projects.

"As long as the status is maintained, we don't have an issue.

"We will object if there are development plans near the lake," Yee said.

He also suggested the lake be deepened to increase capacity.

"There are at least five new developments that we know of coming up along the MRR2 (Middle Ring Road).

"This will surely increase the volume of water flowing into the lake, and deepening it could help prevent future flooding in the area."

Yee also brought up the condition of the recreation site, asking that maintenance be carried out.



Ahmad Fuad says the public can lodge objections in the case of a future development proposal for the site.

A DBKL representative from the Landscape Department assured that upgrading works were expected to start in two months.

StarMetro in its Aug 19 report, "Intan Baiduri lake facing new degazettement threat", shared stakeholders' concerns over the proposed alienation.

On July 23, the Attorney General's Chambers published



StarMetro report on Aug 19.

a notice in the Federal Government Gazette announcing the proposed revocation of the Kepong land reservation for public purposes under Section 64(2) of the National Land Code.

Residents and concerned groups had raised objections, as there was a previous attempt to degazette this area for a housing project.

In 2021, PTGWP initiated similar degazettement of land adjacent to the lake (Lot 80835), which was reserved for public space.

The plan was for a mixed development project that would include an affordable housing scheme.

The plan was halted by then Federal Territories minister Tan Sri Annuar Musa who said the land must not be touched.

THE STAR

23 AUG 2024

Tarikh:.....

High hopes for a corruption-free administration

PRIME MINISTER Datuk Seri Anwar Ibrahim often emphasises that the nation's success depends not only on economic progress but also on how governance is managed with integrity. The narrative of Malaysia Madani clearly asserts that integrity is the foundation of a country's success.

However, corruption issues among government employees often hamper efforts to enhance integrity, as the recent cases of corruption involving several officers from Kuala Lumpur City Hall (DBKL) and the Kajang Municipal Council show.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa is playing a significant role in ensuring that there is no room for corruption in the departments and agencies under her jurisdiction.

She is committed to taking firm action to ensure that every

administrative matter is carried out transparently and fairly, stressing that firmness in fighting corruption is key to establishing an administration characterised by integrity and cleanliness.

The appointment of Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif as mayor of Kuala Lumpur is seen as another positive step in governance reform. Maimunah, who has a strong background in urban planning and sustainable development, is an individual with extensive international experience. Previously, she held the position of executive director of UN-Habitat, a United Nations (UN) agency responsible for housing and urban development.

Maimunah also previously served as mayor of Penang City Council and president of Seberang Perai Municipal Council.

Her appointment as the mayor of Kuala Lumpur brings great hope that the city will be man-

aged more efficiently and with high integrity.

The presence of three formidable women in the administration of Kuala Lumpur – Dr Zaliha, Dato Indera Noridah Abdul Rahim (director-general of the Federal Territories Department), and Maimunah – clearly demonstrates the government's efforts in promoting transparent and responsible administration.

These three female icons are not only exceptional in their respective fields but they also bring a high standard of integrity to their administration. Notably, women leaders are known for their strict adherence to guidelines and their unwavering commitment to their work.

As an NGO advocating for integrity and governance issues, the Malaysian Integrity and Governance Society believes that the realisation of a civil state envisioned by the PM will only be achieved when every layer of

society, especially the public and administrative sectors, upholds the principle of integrity in every action.

The ongoing reforms must continue with strong support from all parties, including the public who need to play a role in monitoring and ensuring that every administrative matter is conducted transparently.

The people of Kuala Lumpur deserve a city managed with integrity, and we are confident that with the current leadership, DBKL will set the best example in terms of governance and cleanliness not only in Malaysia but also internationally. Together, we can build a corruption-free Kuala Lumpur that will be the pride of all Malaysians.

DATUK SERI DR AKHBAR
SATAR
President
Malaysian Integrity &
Governance Society

THE STAR

Tarikh: 23 AUG 2024

KDN laksana pusingan kerja lebih kerap, bendung salah laku

23/8

55025

PUTRAJAYA - Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedia melaksanakan pusingan kerja yang lebih kerap dalam agensi-agensinya untuk membendung salah laku yang boleh merosakkan imej kementerian, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menurutnya, langkah itu juga selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 baru-baru ini, yang mahu ketua jabatan melaksanakan proses itu secara berterusan.

"Kami akan menilai lagi dari aspek penempatan, seperti yang ditekankan Perdana Menteri (Anwar) bagi mengelakkan bahagian tertentu berada terlalu lama

di satu tempat (yang boleh mengundang kepada pelanggaran integriti). Ini kita akan buat tanpa prejudis.

"Malah, sejurus selepas Perdana Menteri berucap, saya menghubungi KSU (Ketua Setiausaha), Datuk Ruji Ubi untuk lihat agensi mana di bawah KDN yang boleh melaksanakan pusingan kerja dan kami akan segerakan," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Bulanan KDN dan sambutan Bulan Kebangsaan di sini pada Khamis.

Memberi contoh kes penahanan lima pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini, ujarnya, KDN tidak akan berkompromi dengan perbuatan salah laku itu dan akan berusaha mem-

banteras secara berterusan.

"Yang paling penting, KDN mengamalkan prinsip tanpa kompromi terhadap pelanggaran integriti kerana ia nampak sangat buruk, lebih-lebih lagi soal integriti, kerap ditekankan oleh Perdana Menteri," katanya.

Menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan lanjut, Saifuddin percaya tangkapan itu dilakukan selepas suruhanjaya itu menjalankan proses seperti intipan, identifikasi dan pemantauan sebelum mengambil tindakan.

"Tangkapan SPRM terhadap beberapa penguat kuasa JIM ini adalah selaras dengan penegasan Perdana Menteri bahawa

SPRM mempunyai kuasa penuh untuk bertindak terhadap semua pihak, termasuk agensi di bawah KDN," katanya.

Media sebelum ini melaporkan mengenai pembongkaran sindiket membawa masuk pekerja asing melalui pintu masuk negara tanpa pemeriksaanan pihak berkuasa, yang dipercayai didalangi beberapa individu dari agensi penguat kuasa.

Seramai 12 individu ditahan menerusi Op Pump yang dijalankan SPRM di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan.

Individu yang ditahan termasuk empat pemilik syarikat, tiga orang awam yang dipercayai menguruskan kemasukan warga asing, dan lima penguat kuasa bertugas di KLIA Terminal 2. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh: ...2...3...AUG...2024.....

Jangan mudah tertipu *deepfake* AI



ANALISIS
MUKA 16

ARZIANA
MOHAMAD AZAMAN

Penangan pengaruh selebriti media sosial dalam bab jualan *online* memang tidak boleh disangkal. Apa sahaja produk dipromosikan secara *live* di TikTok atau Instagram, waima di Shopee pasti laku keras sekelip mata.

Apatah lagi jika melibatkan individu dikenali ramai seperti *instafamous* selebriti masakan, Khairul Aming yang mempunyai pengikut mencecah lebih 3.2 juta orang.

Populariti dimiliki kadangkala menjadi ruang dan peluang kepada sindiket penipuan licik menggunakan taktik *deepfake* yang terhasil daripada kehebatan teknologi kecerdasan buatan (AI) demi meraih keuntungan atas angin.

Baru-baru ini, Khairul Aming mendedahkan dalam salah satu hantaran di media sosial – dirinya sekali lagi menjadi mangsa apabila wajah dan suaranya diubah suai semata-mata untuk jualan kualiti harga runtuh.

Bukan setakat perkakas dapur, wajah usahawan Sambal Nyet itu juga dipergunakan untuk jualan peranti jam pintar dan banyak lagi sehingga ia berada di luar kawalan mangsa.

Sebelum ini wajahnya juga pernah digunakan melalui perisian reka bentuk grafik, Photoshop dan dikuatiri boleh menimbulkan fitnah serta kesan buruk kepada orang ramai.

Nampaknya, bukan hanya pemilik nama sebenar Khairul Amin Kamarulzaman menjadi sasaran *scammer*, malah penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza

juga tidak terlepas.

Pendedahan menerusi hantaran di Instagram menunjukkan personaliti bersuara lunak itu menerima panggilan telefon dan WhatsApp video menggunakan taktik *deepfake* secara *live*, kononnya menawarkan cadar murah.

Jika merujuk statistik didedahkan di Dewan Rakyat baru-baru ini, jumlah kerugian direkodkan bagi kes penipuan dalam talian (2022 sehingga Jun 2024) sebanyak RM2.65 bilion.

Kerugian pada 2024 sebanyak RM581 juta dan berlaku peningkatan secara keseluruhan bagi jumlah kerugian, 43.2 peratus pada 2022 iaitu RM851 juta kepada RM1.2 bilion bagi tahun 2023.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) di Parlimen mendedahkan hampir 55,000 kes jenayah siber dengan nilai kerugian mencecah RM1.8 bilion dilaporkan bagi tempoh 2021 hingga Julai tahun ini.

Rentetan daripada kes-kes membimbangkan itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menasihatkan orang ramai yang menjadi mangsa penipuan supaya tampil membuat laporan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf sebelum ini tidak menafikan perkembangan teknologi AI yang cukup drastik dan ia boleh disalahgunakan.

Mana tidaknya, pakar dan saintis AI kini sangat bimbang mengenai perkembangan pesat dunia komunikasi moden yang boleh digunakan untuk tujuan jenayah dengan mudah.

Orang ramai terutama warga emas misalnya, antara golongan rentan yang dikatakan mudah terpedaya taktik *deepfake*, lebih-lebih lagi jika melibatkan individu berpengaruh seperti ahli politik, ahli perniagaan dan

“

Orang ramai terutama warga emas misalnya, antara golongan rentan yang dikatakan mudah terpedaya taktik *deepfake*, lebih-lebih lagi jika melibatkan individu berpengaruh.”

selebriti popular.

Memang membimbangkan jika mak ayah kita sewenang-wenangnya boleh digula-gulkan dengan promosi jualan murah tak masuk akal, sedangkan ia tidak wujud.

Cukuplah dengan contoh jualan kualiti oleh 'Khairul Aming' yang terang-terang menggunakan taktik *deepfake*, masih ada lagi golongan emak-emak tertipu dan tidak percaya dengan kata-kata anak sampai-kan boleh bikin gaduh.

Lagi satu, mereka juga sering menjadi sasaran pelaburan skim untuk meraih imbuhan segera dan tanpa sedar terlibat dalam kegiatan jenayah komersial selepas temakan umpan video palsu individu berpengaruh berkenaan.

Tidak hairanlah, pihak PDRM menjangkakan peningkatan kes jenayah siber dalam masa terdekat selepas ledakan penggunaan teknologi AI yang tiada kawalan.

Justeru, sudah tiba masanya pindaan undang-undang sedia ada wajar dilaksanakan bagi membanteras jenayah siber sebelum lebih ramai lagi orang kita menjadi mangsa.

*Arziana Mohamad Azaman ialah Wartawan Lifestyle SinarPlus Sinar Harian

SINAR HARIAN

Tarikh:2..3..AUG..2024....

Ekonomi Madani: Enam penanda aras di landasan tepat capai sasaran

28/8 Sinar



Noor Azlan ketika sidang akhbar Setahun Ekonomi Madani dan Transformasi Ekonomi Bumiputera di UKM pada Khamis.

BANGI - Enam penanda aras kerangka Ekonomi Madani dilihat bergerak di landasan tepat dan mampu mencapai sasaran ditetapkan kerajaan menjelang 2033.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM), Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, hanya penanda aras kedua iaitu meletakkan Malaysia di tangga ke-12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global masih belum menepati piawaian dan perlu diberi perhatian khusus oleh kerajaan.

"Kerajaan perlu mengakui negara berhadapan keadaan

menggusarkan. Tidak salah menyedarkan masyarakat jika Malaysia berhadapan sebarang masalah.

"Kerajaan, perniagaan dan masyarakat mempunyai peranan meningkatkan daya saing negara, tidak boleh hanya (melibatkan) jawatankuasa Kabinet.

"Pasukan ini bertindak menyusun strategi, melaksana, memantau dan melapor secara berterusan," katanya pada sidang akhbar Setahun Ekonomi Madani dan Transformasi Ekonomi Bumiputera di sini pada Khamis.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada

Julai tahun lalu mengumumkan Ekonomi Madani menetapkan tujuh penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana yang mahu dicapai dalam tempoh 10 tahun.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, antaranya Malaysia perlu berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia dan Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia.

Ketika ini, Malaysia berada di kedudukan ke-34 dalam indeks tersebut dan jatuh merudum dalam tempoh 10 tahun sejak 2014.

Dalam pada itu Noor Azlan menjelaskan, penarafan daya

saing menjadi antara maklumat yang mendasari keputusan pelabur domestik dan antarabangsa dalam menentukan lokasi pelaburan serta sumber berkualiti termasuk aliran modal dan bakat.

"Tiga kategori lain iaitu kecapan kerajaan, perniagaan dan infrastruktur masing-masing berada pada kedudukan tangga ke-33, 40 dan 35.

"Namun status dilaporkan bukanlah rumusan untuk Ekonomi Madani.

"Kedudukan daya saing negara yang membimbangkan ini menuntut kita segera bertindak bagi menjayakan kerangka ekonomi tersebut," jelasnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2..3 AUG 2024.....

RM30,000 bantu belia miliki rumah pertama

23/8 Sinar

Deposit Madani dapat meringankan beban kewangan, tingkat kemampuan membeli

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mewujudkan Deposit Madani maksimum RM30,000 merupakan langkah positif dan strategik bagi membantu golongan belia memiliki rumah pertama mereka.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd Izzat Afifi Abd Hamid berkata, inisiatif tersebut membuktikan negara ini mampu berdiri gah sebanding negara maju lain seperti Kanada, United Kingdom (UK) dan Australia yang turut memberi bantuan sama. Malah menurutnya, inisiatif itu mampu memberi impak signifikan terhadap kadar pemilikan rumah dalam kalangan belia daripada sudut ekonomi.

"Menurut statistik terkini Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pemilikan rumah dalam kalangan belia berusia antara 25 hingga 34 tahun masih rendah dianggarkan sekitar 35 peratus.

"Salah satu faktor penyumbang kepada keadaan ini adalah kos permulaan tinggi termasuk deposit



Deposit Madani RM30,000 buat pembeli rumah pertama dalam kalangan belia adalah satu langkah positif. - Gambar hiasan.



MOHD IZZAT

pembelian rumah.

"Bantuan deposit sehingga RM30,000 dapat meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama, meningkatkan kemampuan golongan ini memiliki rumah dan membantu mengurangkan jurang pemilikan antara belia serta kumpulan usia lain," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan KPKT mengemukakan 33 cadangan termasuk Deposit Madani kepada Kementerian Kewangan (MoF) melibatkan peruntukan hampir RM1 bilion bagi Belanjawan 2025.

Menterinya, Nga Kor Ming memaklumkan, cadangan itu antara lain termasuk pembangunan 100 Taman Rekreasi Madani, transformasi kolam takungan, perjanjian jual beli

elektronik dan e-stamping atau tekan tera elektronik.

Jelasnya, inisiatif Deposit Madani untuk pembeli rumah pertama kategori B40 dan M40 dibuat bagi meringankan komitmen bayaran selaras dasar kerajaan iaitu 'Rumahku, Syurgaku'.

Mohd Izzat Afifi memaklumkan dari segi makroekonomi, inisiatif itu dijangka merancakkan pasaran hartanah negara terhadap peningkatan permintaan rumah.

Tambahnya, peningkatan tersebut memberi kesan positif terhadap industri pembinaan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sektor pembinaan menyumbang sekitar 4.7 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) pada 2023 dan peningkatannya memberi impak positif terhadap ekonomi," katanya.

SINAR HARIAN
23 AUG 2024

Tarikh:

Peluang anak muda miliki rumah pertama

22/8 Sinar

HARGA rumah yang semakin tinggi, rata-rata mencecah RM300,000 ke atas terutama dibangunkan oleh pemaju swasta, selain kedudukan kewangan masih tidak stabil menyukarkan peluang anak muda memiliki rumah pertama, sama ada di kawasan bandar atau luar bandar pada hari ini.

Ia sememangnya memberi kesan kepada anak muda yang baru bekerja, apatah lagi dengan gaji minimum, menyebabkan golongan berkenaan akan terus mengutamakan konsep sewa berbanding pembelian hartanah.

Ramai dalam kalangan mereka tidak mampu untuk menyediakan wang muka diperlukan atau menanggung beban ansuran bulanan tinggi, yang menjadikan rumah pertama semakin tidak terjangkau walaupun usia semakin meningkat.

Justeru, inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mencadangkan Deposit Madani maksimum RM30,000 kepada golongan belia terutama B40 serta M40 bagi membantu mereka memiliki kediaman pertama dilihat sebagai langkah positif dan wajar disambut baik.

Itu adalah antara 33 cadangan yang akan dikemukakan kementerian berkenaan kepada Kementerian Kewangan melibatkan peruntukan hampir RM1 bilion bagi Belanjawan 2025 untuk merealisasikan aspirasi 'Rumahku Syurgaku' agar setiap rakyat memiliki tempat tinggal dan mempunyai aset seperti rumah.

Selain menggalakkan pemilikan rumah, inisiatif berkenaan dijangka dapat merancakkan pasaran hartanah negara terhadap peningkatan permintaan rumah. Ia juga seiring dengan usaha meningkatkan gaji dalam kalangan penjawat awam yang boleh membantu meningkatkan kualiti hidup dan merapatkan jurang kekayaan.

Selain inisiatif yang dicadangkan itu, pada masa sama kerajaan diharap dapat membina lebih banyak rumah mampu milik di lokasi strategik di pinggir bandar mahupun berdekatan dengan Lembah Klang dan harga rumah juga perlu sesuai dengan saiz rumah yang bakal dijual.

Ia termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), Program Rumah Mesra Rakyat (RMR), kediaman di bawah Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan Program Perumahan PR1MA di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara.

Semoga inisiatif kerajaan yang dicadangkan itu menjadi kenyataan, sekali gus dapat merealisasikan impian anak muda mencapai matlamat pemilikan kediaman sendiri atau selamanya mereka hanya akan mampu lihat sahaja kerana harga rumah yang tak masuk akal!

SINAR HARIAN

Tarikh:2...3...AUG...2024.....

Perkasa sosioekonomi, pendidikan

Setiap usaha PNB dirancang untuk imbangi keuntungan dengan pelaburan sosial

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Permodalan Nasional Berhad (PNB) menawarkan biasiswa berjumlah RM430.1 juta kepada 5,857 pelajar cemerlang bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Menurut Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, setiap usaha PNB dirancang untuk mengimbangi keuntungan dengan pelaburan sosial dan memastikan pulangan mampan bagi pemegang unit sambil menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi negara termasuk menekankan aspek pendidikan.



RAJA ARSHAD

"Sehingga kini, biasiswa bernilai RM430.1 juta telah dianugerahkan kepada 5,857 pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 di Pusat Konvensyen Setia City, di sini pada Khamis.

MSAM 2024 disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Raja Arshad berkata, sepanjang tahun 2023, PNB menyumbang RM6 juta dengan 95 peratus diperuntukkan untuk pembangunan komuniti dan selebihnya untuk pendidikan.

Dalam pada itu katanya, MSAM 2024 sudah memanfaatkan lebih 4.3 juta rakyat Malaysia sejak pertama kali diperkenalkan pada

tahun 2000.

Tambahnya, acara literasi kewangan terbesar negara itu dianjurkan di negeri Selangor untuk kali pertama dan menawarkan pengunjung dengan peng-



Anwar (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 di Pusat Konvensyen Setia City pada Khamis.

alaman melangkaui pengetahuan pengurusan kewangan dengan memberikan penekanan khusus kepada elemen pendidikan kewangan lebih meluas.

Jelasnya, MSAM tahun ini juga menyaksikan pelancaran logo baharu ASNB, yang kini tampil lebih segar dan dinamik untuk menarik generasi muda dan memperkasa pemegang unit sedia ada.

Tema Kukuhkan Hidup Anda di MSAM adalah selaras dengan matlamat diperbaharui PNB, mengukuh keduduk-

an kewangan rakyat, merentas generasi, yang menjadi panduan PNB dalam memenuhi mandatnya, untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.

MSAM 2024 dibuka kepada orang ramai bermula jam 10 pagi hingga 10 malam dari 22 hingga 25 Ogos.

Pengunjung digalakkan untuk daftar masuk melalui aplikasi myASNB atau layari www.pnb.com.my/msam.

SINAR HARIAN

Tarikh: 23 AUG 2024

Kuala Lumpur: Beberapa siri perbincangan antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama wakil penduduk diadakan sejak 2019 dalam menyelesaikan isu tapak projek perumahan di Jinjang Selatan Tambahan, Kepong, di sini.

Unit Media Jabatan Perancangan Korporat DBKL memaklumkan wakil penduduk juga mengambil maklum mengenai penghuni unit kediaman dibenarkan tinggal di tapak dan hanya akan berpindah selepas rumah ganti siap sepenuhnya.

"Bagi unit komersial yang sebelum ini penghuninya diarahkan mengosongkan tapak pada 31 Ogos ini, (mereka) akan diberi lanjutan tempoh pengosongan tapak sehingga hujung tahun ini.

"Pembangunan rumah ganti 35 tingkat (mempunyai) tiga bilik dan dua bilik

PEMBANGUNAN RUMAH GANTI 35 TINGKAT DI JINJANG

Projek dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini

air sedang dalam pelaksanaan, yang kini mencapai status kemajuan sehingga 88 peratus dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

"Pembinaan Rumah Mampu Milik bersebelahan dengan tapak rumah ganti pula sedang dalam peringkat mendapatkan kelulusan pembangunan," katanya dalam kenyataan, semalam.

DBKL mengulas mengenai puluhan penduduk menyerahkan memorandum kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur di Menara DBKL, di sini, kelmarin.

Kenyataan itu berkata, pihaknya akan meneliti segala butiran tuntutan yang terkandung dalam memorandum Jawatankuasa Gabungan Isu Perumahan dan Pampasan, Persatuan



LAPORAN Harian Metro, semalam.

Pembangunan Sosial Jinjang Selatan Tambahan, Persatuan Penghuni Jinjang Selatan Tambahan dan Jawatan-

kuasa Penyelesaian Perumahan Tetap.

Menurutnya, Lot PT 26640 di Jinjang Selatan Tambahan terabit dengan

penjualan tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada Tetuan Utara Land Sdn Bhd melalui perjanjian yang ditandatangani pada 23 November 2017.

"Lot PT 26640 ialah lot tanah yang terabit untuk membangunkan rumah ganti berkeluasan 900 kaki persegi dan 750 kaki persegi serta rumah mampu milik kepada penduduk Ex-TOL (lesen pendudukan sementara (TOL), setingan dan rumah panjang Jinjang Selatan Tambahan.

"Sesi cabutan undi pengisian unit Rumah Ganti keluarga pertama diadakan pada 29 Jun dan 30 Jun lalu serta 13 Julai dan 14 Julai lalu di Dewan Serbaguna DBKL, Jinjang Utara.

"Seramai 237 keluarga pertama hadir pada sesi ca-

butan undi itu," katanya memaklumkan. Tetuan Utara dikehendaki mematuhi syarat teknikal yang ditetapkan dalam setiap pembangunan dirancang.

Terdahulu, puluhan penduduk menyerahkan memorandum kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif kepada wakil beliau.

Memorandum itu menuntut Maimunah mengadakan rundingan bersama penduduk terjejas selain membatalkan segera notis pengosongan lot kedai dan notis cabutan undi.

Ia turut menuntut salinan senarai penerima pampasan supaya dapat menyemak dan memastikan keadilan dalam pengagihan pampasan.

HARIAN METRO
Tarikh: 23 AUG 2024

Pertimbang **sebat** penguat kuasa makan rasuah'

22/8 mabo

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu memperkenalkan hukuman sebatan mandatori kepada penguat kuasa yang menerima suapan terutama dalam isu memasuki warga asing ke negara ini secara tidak sah.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, hukuman lebih keras dan sempal akan meningkatkan lagi integriti dalam kalangan penguat kuasa selain memastikan mereka menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

"Penguat kuasa yang didapati bersalah menerima suapan atau terbabit dalam kegiatan rasuah sehingga membolehkan memasuki warga asing secara tidak sah harus dikenakan hukuman sebatan sebagai hukuman tambahan selain daripada hukuman penjara atau denda sedia ada.

"Hukuman sebatan mandatori bertujuan menjadi satu pencegahan kuat bagi penguat kuasa yang berfikir untuk terbabit dalam aktiviti rasuah kerana ia bersifat fizikal dan berat sekali gus menghalang niat individu itu daripada mengambil risiko menerima suapan," katanya kepada Harian Metro.

Beliau mengulas mengenai pembabitkan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang disyaki bersekongkol dengan sindiket bagi membawa masuk warga asing ke negara ini tanpa melalui prosedur ditetapkan sebaliknya menggunakan kaunter khas.

Mengulas lanjut, Jais berkata, warga asing yang memasuki negara ini

tanpa prosedur sah juga wajar dikenakan hukuman sebatan untuk menunjukkan Malaysia tegas dalam menjaga kedaulatannya.

"Ini juga boleh menjadi pencegahan kepada warga asing lain yang berniat untuk memasuki negara secara tidak sah.

"Langkah ini juga akan menunjukkan kepada masyarakat antarabangsa, Malaysia komited dalam memerangi rasuah dan menjaga kedaulatan negaranya daripada ancaman luaran," katanya.

Bagaimanapun, katanya, hukuman sebatan mandatori terbabit perlu dilaksanakan dengan melalui proses undang-undang yang adil dan telus.

"Ini bermakna setiap kes perlu disiasat dengan teliti dan hukuman hanya dijatuhkan apabila bukti kukuh telah dibuktikan di mahkamah.

"Dengan memperkenalkan hukuman sebatan mandatori, kerajaan menghantar mesej jelas dan tegas kepada semua penjawat awam, rasuah tidak akan ditoleransi dalam apa jua keadaan sekali gus akan memulihkan keyakinan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan.

"Rakyat akan melihat kerajaan serius dalam menangani rasuah dan menjaga keselamatan negara sekali gus akan memulihkan kepercayaan rakyat terhadap institusi penguatkuasaan," katanya.

Beliau berkata, pegawai yang bertugas di lokasi strategik seperti pintu masuk negara juga perlu menjalani sistem pertukaran untuk beberapa tempoh ditetapkan.

Hukuman sebatan mandatori bertujuan menjadi satu pencegahan kuat
Jais

HARIAN METRO

Tarikh: ...2..3..AUG...2024..

Pembersihan longkang akan dibuat lebih kerap

Hujan lebat, air pasang punca banjir

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM — Pertembungan taburan hujan lebat dan air pasang dikatakan menjadi penyebab kejadian banjir kilat yang melanda daerah ini, Selasa lalu.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd. Fauzi Mohd. Yatim berkata, keadaan ini seterusnya mengakibatkan kenaikan paras air sungai yang tinggi pada waktu petang hari tersebut.

Menurutnya, situasi itu seterusnya menyebabkan banjir kilat di Setia Alam dan terowong Seksyen U12 serta air pada bahagian upstream tidak dapat mengalir keluar.

"Bagi banjir kilat di kawasan Padang Jawa, pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengenal pasti punca kejadian banjir di lokasi berkenaan iaitu taburan hujan lebat untuk tempoh 30 minit.

"Ini seterusnya yang menyebabkan sistem perparitan tidak dapat menampung limpahan air," katanya dalam kenyataan kepada Kosmo! di sini semalam.

Justeru, beliau menjelaskan, Jabatan Kejuruteraan MBSA telah mengadakan mesyuarat bersama dengan agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Petaling dan Syarikat penyelenggara jalan negeri, Infrasel Sdn. Bhd. (Infrasel) kelmarin, bagi mengelakkan kejadian banjir kilat terus berulang seperti di kawasan Padang Jawa.

Ujarnya, hasilnya beberapa tindakan jangka masa pendek telah dirancang seperti mengenal pasti lokasi longkang atau parit yang perlu diselenggara dengan segera yang akan dilaksanakan JPS Daerah Petaling.

"JKR dan Infrasel pula perlu memastikan penyelenggaraan longkang-longkang serta membaik pulih scupper di jalan-jalan dibawah milik JKR," tegasnya.

Mengulas lanjut, Mohd. Fauzi



TANGKAP layar yang tular mengenai keadaan banjir kilat di sekitar SK Padang Jawa pada Rabu lalu.

berkata, KDEB Waste Management akan lebih peka dengan melakukan kerja-kerja pembersihan longkang kawasan atau parit dengan kekerapan dua kali sebulan.

"Sementara itu, kerja-kerja pembersihan dasar bagi longkang besar akan dilakukan oleh kontraktor lantikan MBSA dengan kekerapan sekali sebulan," jelasnya.

Terdahulu, media melaporkan beberapa kawasan sekitar Pa-

dang Jawa di sini dilanda banjir kilat susulan hujan berterusan sejak pukul 4 petang, Selasa lalu.

Berdasarkan perkongsian video yang tular di laman sosial, antara terjejas adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Jawa dengan ketinggian air pula adalah pada tahap pinggang dalam kalangan murid sekolah.

Banjir kilat di sekolah berkenaan disebabkan longkang tersumbat dengan sampah sarap dan barang kotor lain.

KOSMO

Tarikh: 23 AUG 2024

Pusingan kerja kerap elak rasuah

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA - Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan melaksanakan pusingan kerja lebih kerap bagi mengelakkan berlakunya rasuah susulan penahanan beberapa kakitangan Jabatan Imigresen (JIM) baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, tindakan itu penting kerana KDN tidak akan berkompromi terhadap sebarang isu pelanggaran integriti.

"Jadi, di sebalik penegasan berulang kali, tetapi masih berlaku lagi, jadi di pihak kami, akan melihat lagi aspek daripada sudut penempatan, malah ia turut ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini.

"Soal pusingan kerja penting bagi mengelakkan bahagian tertentu yang berlama-lama di suatu tempat yang mungkin mengundang pelanggaran integriti.

"Bukan maksudnya berada di situ berlama-lama, sah akan melakukan pelanggaran. Tidak, tetapi sebagai kaedah dari segi sistem pentadbiran dan pengurusan," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan KDN dan sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2024, di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan, tindakan beberapa penguat kuasa sebuah agensi kerajaan yang



SAIFUDDIN bergambar swafoto bersama kakitangan KDN selepas Perhimpunan Bulanan KDN dan sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Putrajaya semalam.

menjadi tali barut sindiket penyeludupan dengan melepaskan warga asing di pintu masuk negara tanpa perlu melalui pemeriksaan akhirnya terbongkar.

Kegiatan itu terbongkar selepas 11 individu berusia lingkungan 20 hingga 50-an termasuk empat penguat kuasa direman kelmarin selepas ditangkap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan.

Antara warga asing yang sering dibawa masuk menerusi modus operandi counter setting di lapangan terbang itu seperti

Myanmar, Bangladesh, Indonesia, India, Pakistan dan Nepal.

Dalam pada itu, beliau berkata, rakyat tidak perlu bimbang dengan pelbagai siri jenayah kekerasan dan kes berprofil tinggi yang berlaku sejak akhir-akhir ini kerana kerajaan memberi jaminan tahap keselamatan negara berada tahap tertinggi.

Menurutnya, ia dibuktikan PDRM menerusi proses intipan sehinggalah berakhir dengan tindakan khususnya membabitkan kes jenayah berprofil tinggi seperti kes culik warga asing dan kes bunuh.

KOSMO
23 AUG 2024

Tarikh:



RAMAI usahawan wanita berjaya dilahirkan menerusi program anjuran PWB. - GAMBAR HIASAN

AURA
Citranita

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

Perkasa wanita akar umbi Selangor

SEBANYAK 225 program pemerkasaan wanita telah dilaksanakan oleh 30 penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) di bawah program utama Wanita Berdaya Selangor (WBS) sepanjang Februari hingga Mei tahun ini.

Exco Pembangunan Wanita dan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, program tersebut bercorak bimbingan dan latihan merangkumi modul kemahiran serta kapasiti.

Katanya, model kemahiran termasuk pemprosesan makanan produk soya, bengkel jahitan, bengkel penyediaan losen, penyediaan biskut raya dan makanan.

"Bagi modul kapasiti pula, ia melibatkan bengkel e-usahawan asas pemasaran digital, kursus transformasi peniaga B40 dan bengkel kelas dalam talian," katanya.

Mengulas lanjut, Anfaal berkata, inisiatif pemerkasaan wanita yang dilaksanakan kerajaan negeri berpancukan matlamat dan pelan tindakan Dasar Wanita Selangor 2024-2026.

"Inisiatif secara bersasar ini mengambil kira keperluan segmen wanita di negeri Selangor.

ANFAAL memaklumkan, sejumlah RM4 juta diperuntukkan untuk program WBS.



PROGRAM pemerkasaan wanita anjuran PWB bercorak bimbingan dan latihan. - GAMBAR HIASAN

"Ini termasuklah PWB yang menyasarkan wanita di peringkat akar umbi.

"Menerusinya, PWB memberi latihan kemahiran dan kapasiti bagi menjana pendapatan seterusnya meningkatkan status sosioekonomi mereka.

"Selain itu, Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) memfokuskan pemerkasaan kepimpinan khusus bagi pemimpin wanita dalam sektor awam, korporat, politik dan komuniti," katanya.

Jelas Anfaal, seramai 282 graduan AKW telah berjaya dilahirkan sepanjang tiga kohort pelaksanaan dan mereka kini aktif dalam komuniti masing-masing di negeri ini.

Katanya lagi, menerusi

“Menerusinya, PWB memberi latihan kemahiran dan kapasiti bagi menjana pendapatan seterusnya meningkatkan status sosioekonomi mereka.”

Belanjawan 2024, sejumlah RM4 juta diperuntukkan untuk program WBS sebagai badan pemikir kajian dan dasar bantu wanita di negeri berkenaan.

KOSMO

Tarikh: 23 AUG 2024



JEFRI (kanan) bersama beberapa wakil pihak berkuasa meninjau tapak pembuangan sampah haram itu berdekatan lembangan Sungai Buloh, Ijok, Kuala Selangor semalam.

Derita bau busuk tapak sampah haram di Ijok

23/8

KOSMO

KUALA SELANGOR – Lebih 2,000 penduduk tiga kampung di Ijok di sini, menanggung derita menghidu bau busuk daripada tapak pelupusan sampah haram di sekitar lembangan Sungai Buloh sejak dua tahun lalu.

Selain Kampung Harmoni, Batu 7 dan Batu 8, keadaan itu juga menjejaskan penduduk di beberapa kawasan perumahan berdekatan.

Penduduk, Saiful Nazrinn Rahmat, 47, berkata, tapak sampah haram itu bukan sahaja menyebabkan bau busuk malah mengancam kesihatan kerana mencemari kualiti udara.

"Keadaan bertambah teruk jika banjir apabila timbunan sampah itu dihanyutkan air ke rumah penduduk berdekatan.

"Isu yang menimbulkan rasa tidak selesa penduduk dan mencemarkan persekitaran itu perlu diselesaikan kerana berlarutan sejak sekian lama," katanya yang meninjau lokasi itu bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Ijok, Jefri Mejan

semalam.

Bagi Mohd. Razak Md Basir, 38, penduduk telah membuat aduan kepada pihak berwajib, namun tiada tindakan tegas dilakukan.

"Kami pelik bagaimana kawasan berdekatan laluan air itu menjadi tempat pelupusan sampah haram.

"Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam masalah berkenaan," ujarnya.

Sementara itu, Jefri berkata, hasil tinjauan mendapati timbunan sampah haram di kawasan seluas 5.2 hektar dipercayai atas tanah berstatus pertanian milik persendirian.

Pemeriksaan mendapati banyak sisa perindustrian seperti bahan kimia dan domestik dibuang di kawasan itu.

"Selain itu, ada bahan terbakar seperti arang yang menghasilkan bau kurang menyenangkan dan boleh menjejaskan kesihatan, tolonglah kami di sini," katanya.

KOSMO

23 AUG 2024

Tarikh:

PNB komited tingkatan kekayaan bumiputera

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Permodalan Nasional Berhad (PNB) kekal komited dalam menjunjung mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat bumiputera dan seluruh rakyat negara ini.

Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, pihaknya telah mengagihkan dividen sebanyak RM13.3 bilion pada tahun lalu seterusnya menunjukkan kemampuan PNB mengagihkan pulangan kompetitif kepada para pelabur walaupun dalam keadaan ekonomi mencabar.

Katanya, ini menjadikan jumlah keseluruhan agihan pendapatan telah diagihkan sejak PNB ditubuhkan pada tahun 1978 adalah sebanyak RM249.2 bilion.

"Hampir 13 juta rakyat memberi kepercayaan kepada kami dengan simpanan dan harapan mereka. Ini amat kami hargai.

"Saya berharap rakyat Malaysia akan terus mengekal dan meningkatkan pelaburan bagi meraih pulangan yang lebih baik dalam jangka panjang," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 di Pusat Konvensyen Setia City, semalam.



ARSHAD (enam dari kanan) bersama Anwar bergambar dengan kakitangan PNB selepas perasmian MSAM 2024 di Shah Alam semalam.

Perasmian tersebut disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Arshad, lebih 4.3 juta rakyat negara ini telah mendapat manfaat menerusi pengagihan MSAM sejak tahun 2000 untuk berkongsi ilmu perancangan kewangan dan pelaburan demi meningkatkan tahap

ekonomi rakyat.

Ujar beliau, PNB amat menekankan aspek pendidikan dengan sejumlah RM430.1 juta biasiswa telah dianugerahkan kepada 5,857 pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Sepanjang tahun lalu, PNB juga telah menyumbang RM6

juta dengan 95 peratus diperuntukkan untuk pembangunan komuniti dan selebihnya untuk pembangunan pendidikan.

"Antaranya, sumbangan bernilai RM5 juta kepada lebih 18,500 penerima dan 60 buah sekolah yang terjejas akibat banjir kilat pada November 2022 dan berterusan hingga Mac 2023," je-

lasnya.

Mengulas lanjut, Arshad berkata lagi, PNB juga membangunkan kawasan komuniti sekitar Menara Merdeka 118 melalui program Geran Komuniti Merdeka 118 untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti dan terus menyokong sumber pendapatan dan perniagaan mereka.

KOSMO

Tarikh: 2.3 AUG 2024

Kerajaan cukup dana laksana inisiatif deposit MADANI

Pelaksanaan cukai baharu, rasionalisasi subsidi petrol dijangka tambah hasil Pusat

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mampu melaksanakan deposit MADANI kepada pembeli rumah pertama, terutama golongan belia dalam kalangan B40 dan M40 kerana hasil kerajaan dijangka bertambah setiap tahun.

Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata ini berikutan pengenalan cukai baharu seperti cukai keuntungan modal dan cukai barangan mewah yang memberi tumpuan kepada golongan T20.

Pada masa sama, katanya, tahun hadapan, rasionalisasi subsidi petrol akan bermula dan ini akan menjimatkan lagi kewangan negara untuk disalurkan kepada rakyat, termasuk menerusi inisiatif deposit MADANI.

"Selain itu, saya lihat jika tahap penguatkuasaan terhadap penyeludupan diesel dan petrol

atau barangan terkawal seperti minyak masak dapat dibanteras, lebih banyak pembaziran ketirisan dapat dielakkan," katanya kepada BH.

Kelmarin, media melaporkan inisiatif deposit MADANI sehingga RM30,000 untuk pembeli rumah pertama antara cadangan untuk dimasukkan dalam Belanjawan 2025.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang melaksana pemberian deposit itu selaras dengan dasar kerajaan 'Rumahku, Surgaku'.

Menteri KPKT, Nga Kor Ming, dilaporkan berkata, inisiatif itu bertujuan meringankan bayaran bulanan pembeli rumah pertama, terutama golongan belia dalam kalangan B40 dan M40 serta merealisasikan aspirasi Kementerian agar setiap rakyat memiliki tempat tinggal.

Konsep tanpa kadar faedah

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berharap, inisiatif itu jika pem-

Deposit hingga RM30,000 belia beli rumah pertama



Keratan akhbar BH semalam.

beli perlu membayar balik, boleh menggunakan konsep tanpa kadar faedah.

Selain itu, inisiatif itu jika boleh tidak hanya terbuka atau tertakluk kepada skim pinjaman melalui bank, tetapi boleh juga diperluaskan untuk mana-mana skim pembiayaan lain seperti skim musharakah mutanaqisah, iaitu sewa beli yang tidak semestinya menerusi institusi kewangan seperti bank.

"Ini kerana kalau boleh, jika mahu galakkan pembeli rumah, ia tidak semata-mata meminjam untuk membeli rumah, tetapi mereka diberi peluang untuk mem-

beli rumah melalui skim lain seperti sewa beli," katanya.

Ditanya sama ada kemungkinan dana itu akan diserap dalam kos pembinaan, sekali gus menghasilkan rumah tidak berkualiti, beliau berkata, ia tiada kaitan kerana pemaju berhak meletakkan harga rumah.

Namun, katanya, jika pemaju berasakan orang ramai dapat membeli rumah, sudah pasti pihak berkenaan akan menaikkan harga, sekali gus menyebabkan berlaku situasi harga rumah akan menjadi mahal.

"Oleh itu, saya cadangkan inisiatif deposit itu mesti dipadankan dengan harga rumah iaitu jika deposit RM30,000, mungkin kelayakan harga rumah tidak lebih RM300,000 supaya pemaju tidak mengambil kesempatan," katanya.

Tingkat pemilikan rumah

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid, berkata

dari sudut ekonomi, inisiatif itu boleh memberi impak signifikan terhadap kadar pemilikan rumah dalam kalangan belia.

Ini kerana katanya, berdasarkan statistik terkini dari Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pemilikan rumah dalam kalangan belia yang berusia antara 25 hingga 34 tahun masih rendah dengan anggaran sekitar 35 peratus sahaja.

"Antara faktor utama menyumbang kepada keadaan ini adalah kos permulaan yang tinggi, termasuk deposit pembelian rumah."

"Oleh itu, dengan menyediakan bantuan deposit sehingga RM30,000, inisiatif ini dapat meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama."

"Ini akan meningkatkan kemampuan belia untuk membeli rumah, seterusnya membantu mengurangkan jurang pemilikan rumah yang wujud antara golongan belia dan kumpulan umur lain," katanya kepada BH.

“Inisiatif itu jika boleh tidak hanya terbuka atau tertakluk kepada skim pinjaman melalui bank, tetapi boleh juga diperluas untuk mana-mana skim pembiayaan lain”



Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengarah Program Sarjana Pentadbiran
Perniagaan dari PBS



Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid,
Presiden Majlis Belia Malaysia

“Dengan menyediakan bantuan deposit sehingga RM30,000, inisiatif ini dapat meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama”

Kibar Jalur Gemilang zahir patriotisme rai Hari Kebangsaan

23/8 BH

Mohd Ayop
Abd Razid,
Kuala Lumpur

Kemuncak sambutan Hari Kebangsaan ke 67 pada 31 Ogos semakin hampir. Namun, kibar Jalur Gemilang belum begitu bergelora untuk memeriahkan dan menceriakan suasana sambutan di seluruh tanah air.

Bukan tidak ada langsung rakyat Malaysia yang bergelora jiwanya untuk mengibarkan Jalur Gemilang. Cuma yang terserlah kebanyakan di bangunan kerajaan atau lokasi penganjuran aktiviti berkaitan.

Dorongan yang dicetuskan oleh masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan termasuk pihak swasta masih hambar. Begitu juga kibar bendera kebangsaan di kenderaan-kenderaan persendirian dan perdagangan masih tidak begitu meriah. Permasalahannya, apakah ini manifestasi lenyapnya gelora jiwa rakyat Malaysia untuk menyambut hari perayaan kenegaraan ini?

Susah untuk dijawab kerana akan ada hujah yang menyebut tidak kibar Jalur Gemilang bukan tandanya kita tidak patriotik. Sangat subjektif untuk dibahaskan. Cuma, pada hajat saya bahawa setiap kecintaan itu ada tandanya. Tanda sambutan Hari Kebangsaan itu kita zahir atau pamerkan melalui kibar Jalur Gemilang yang menjadi simbol kedaulatan negara merdeka.

Bukankah sambutan Hari Kebangsaan adalah hari kita mengingati bebas dan merdekanya negara ini daripada cengkaman penjajahan kuasa asing.

Pada hari itu juga kita mengingati pengorbanan

besar oleh pejuang kemerdekaan tanah air.

Ia menzahirkan rasa patriotisme atau kecintaan kita terhadap tanah air tercinta ini. Kita gelorakannya dalam bulan kebangsaan yang mengandungi dua sambutan hari bersejarah, iaitu Hari Kebangsaan (31 Ogos) dan Hari Malaysia (16 September). Kita zahirkan semangat kecintaan itu dengan kemegahan mengibarkan Jalur Gemilang.

Bangkit kesedaran nasional

Rasa kecintaan kepada negara adalah *conditio sine quanon*, iaitu keadaan yang harus ada dalam minda dan jiwa setiap rakyat sesebuah negara itu. Ia penting bagi memastikan keberadaan negara bangsa tidak diancam atau dimusnahkan oleh musuh.

Semangat patriotisme yang sejati tidak akan mengizinkan musuh menginjak-injak atau memperlekeh kedaulatan dan kepentingan negara. Semangat patriotisme ini jugalah yang mendorong kita bekerja kuat untuk membangun dan memajukan negara.

Kita bersatu dan bersama dalam sebuah keluarga besar yang dikenali sebagai keluarga Malaysia.

Walaupun keluarga Malaysia bersifat *heterogen* dengan kepelbagaian kaum, etnik dan agama, namun perasaan kebersamaan dan kebersatuan yang tinggi inilah mampu membangkitkan kesedaran nasional dalam satu kesatuan wilayah geopolitik yang terbentang dari Perlis sehingga ke Sabah.

Walaupun sambutan bulan kebangsaan akan mengingatkan kita akan masa lampau, iaitu pelbagai

peristiwa sejarah yang sudah kita lalui, khususnya dalam perjuangan mencapai kemerdekaan dari penjajahan British, namun memahami tuntutan pengisian kemerdekaan untuk kelangsungan negara bangsa amat penting. Wawasan untuk mencapai sebuah negara maju di bawah acuan sendiri mesti terus dipacu oleh seluruh rakyat yang memiliki semangat patriotisme yang tinggi. Kita bekerja bukan untuk kepentingan diri semata-mata tetapi untuk kelangsungan negara di pentas global.

Harus kita fahami bahawa semangat patriotisme bukan semata-mata semangat untuk mempertahankan tanah air daripada sebarang pencerobohan dan serangan fizikal musuh, tetapi sebagai pendorong untuk sentiasa berusaha dan bekerja dengan gigih dengan pelbagai ilmu pengetahuan juga kemahiran bagi membangun juga memajukan negara.

Bendera kebangsaan kita adalah lambang jati diri, ia membawa pelbagai makna merangkumi kesepaduan, kebersamaan, kesatuan, kesetiaan, keberanian, perpaduan, kebebasan dan sebagainya. Justeru, patriotisme sejati seharusnya tegak di atas jati diri keluarga Malaysia berasaskan nilai-nilai dan budaya bangsa Malaysia.

Kesimpulannya, aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang dalam bulan kebangsaan penting untuk menzahirkan dan mempamerkan semangat patriotisme kita. Ia sebagai pendorong dan pemangkin kepada semangat rela berkorban terhadap tanah air tercinta ini.

BERITA HARIAN
Tarikh.....23 AUG 2024

Kerangka Ekonomi MADANI di landasan betul capai sasaran

23/8 04

**Penanda aras
untuk Malaysia
terus maju tunjuk
perkembangan
semakin positif**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kerangka Ekonomi MADANI yang dilancarkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Julai tahun lalu berada pada landasan betul untuk mencapai sasaran ditetapkan.

Pengarah Eksekutif Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (MINDA-UKM), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata penanda aras yang telah ditekankan oleh Perdana Menteri itu menunjukkan perkembangan positif selaras dengan hala tuju kerangka yang digagaskan untuk tempoh jangka sederhana hingga panjang.

"Enam daripada tujuh penanda aras iaitu saiz ekonomi, pampasan pekerja, penyertaan wanita, pembangunan manusia, membanteras rasuah dan kemampunan fiskal



Noor Azlan pada sidang media khas setahun Ekonomi MADANI dan PuTERA35 di Bangi, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

berada pada kedudukan baik dan mencatat pertumbuhan dalam kedudukan dunia serta peratus yang semakin baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas setahun Ekonomi MADANI dan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) di Bangi, semalam.

Ekonomi MADANI dilancarkan setahun lalu dengan penekanan jelas terhadap tujuh penanda aras yang perlu dicapai dalam tempoh kurang 10 tahun.

Ia membabitkan sasaran peningkatan saiz ekonomi Malaysia kepada kedudukan 30 terbesar dunia; ranking ke-12 dalam daya

saing; pampasan pekerja (45 peratus); penyertaan wanita (60 peratus); pembangunan manusia (kedudukan ke-25 dunia); membanteras rasuah (kedudukan ke-25 dunia); dan kemampunan fiskal (3.0 peratus).

KDNK per kapita lebih baik

Mengulas lanjut, Noor Azlan berkata, berhubung penanda aras saiz ekonomi, Malaysia memperlihatkan kemajuan yang baik selepas berada pada kedudukan ke-35 dunia dengan saiz Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah AS\$401 bilion (RM1.75 trilion), menuju ke sasaran ke-30 dunia

seperti dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Malah, katanya, Malaysia mencapai tahap KDNK per kapita lebih baik di tangga 65 dunia AS\$11,691 dan dengan pertumbuhan KDNK tahun 6 peratus dalam tempoh 10 tahun, negara menyamai kedudukan Hungary ketika ini yang memiliki KDNK per kapita AS\$16,287.

"Dalam penanda aras pampasan pekerja, Malaysia mencatat pencapaian terbaik kepada 37.4 peratus pada 2020 sebelum menjunam sehingga ke paras terendah (2011) pada 32 peratus pada 2022 dan kembali meningkat kepada 33 peratus pada 2023.

"Penanda aras kadar penyer-taan wanita dalam tenaga buruh pula meningkat kepada 56.2 peratus berbanding sasaran Ekonomi MADANI 60 peratus dan ia bergerak ke aras positif daripada 55.6 peratus yang dicatatkan pada 2022.

"Untuk pembangunan manusia, Malaysia melangkah ke arah status 'sangat tinggi' pada 2016, namun secara keseluruhannya, kemajuan dalam indeks pembangunan manusia adalah malar pada kedudukan ke-63 dunia pada 2023 daripada kedudukan ke-68 tahun sebelumnya," katanya.

Beliau menjelaskan, sasaran

di tangga ke-25 dalam indeks persepsi rasuah (CPI), tahun lalu Malaysia berada pada kedudukan 57 dengan sasaran untuk menyamai kedudukan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Bhutan.

"Namun perlu diingatkan penurunan CPI harus sejajar dengan pertumbuhan KDNK per kapita. Sebagai mana kedudukan dalam indeks tetapi pendapatan tidak berkembang, ia bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan.

"Pencapaian dalam kemampunan fiskal atau defisit fiskal juga semakin baik kepada 5 peratus pada 2023 dengan sasaran dalam Ekonomi MADANI ialah 3 peratus," katanya.

Noor Azlan bagaimanapun berkata, kemajuan dalam pencapaian penanda aras Ekonomi MADANI dibayangi kejatuhan mendadak daya saing negara dalam Ranking Daya Saing Global (WCR) 2024 yang dikeluarkan Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan (IMD).

Beliau menegaskan, kedudukan daya saing negara adalah penanda aras penting untuk menarik pelaburan sama ada domestik atau luar negara untuk terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan, seterusnya memberi limpahan ekonomi kepada perniagaan dan rakyat.

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.3.AUG.2024.....

Lebih 4.3 juta dapat manfaat MSAM

Shah Alam: Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 sudah memanfaatkan lebih 4.3 juta rakyat Malaysia sejak 2000.

Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata MSAM tahun ini juga menyaksikan permulaan era baharu bagi Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) melalui pelancaran logo baharu yang lebih segar untuk menarik generasi muda dan memperkasa pemegang unit sedia ada.

Katanya, tahun ini tema 'Kukuhkan Hidup Anda di MSAM,' dipilih selari dengan Matlamat PNB yang diperbaharu iaitu 'Mengukuh Kedudukan Kewangan Rakyat, Merentas Generasi.'

"Pelbagai program dan aktiviti interaktif disediakan dengan mengekalkan elemen STEM iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dalam aktiviti didik hibur," katanya pada Majlis Perasmian MSAM 2024 di sini, semalam.

Kira-kira 50 pempamer terdiri daripada syarikat Kumpulan PNB, ejen ASNB, badan kawal selia dan agensi negeri menyediakan pameran pendidikan pelaburan.

Antara hadiah utama yang bakal menjadi tumpuan ialah sebuah pangsapuri servis di Serasi Residences, Putra Heights dan sebuah kenderaan elektrik BYD Dolphin Standard, Perodua Ativa 1.0L Turbo AV dan Perodua Axia 1.0L AV.

BERITA HARIAN
Tarikh...2.3.AUG.2024.....

Kadar suapan diminta ikut negara

23/8 04

KDN sedia laksana pusingan kerja lebih kerap elak penguat kuasa langgar integriti

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penguat kuasa yang ditahan kerana disyaki menaja di tali barut sindiket membawa masuk warga asing menerusi modus operandi *counter setting* dipercayai menerima bayaran antara RM500 hingga RM2,500.

Difahamkan, jumlah bayaran rasuah yang dibayar itu berbeza mengikut kewarganegaraan.

Dikatakan bayaran RM500 bagi warga Uzbekistan dan paling tinggi, RM2,500 untuk rakyat Bangladesh.

Jumlah bayaran itu juga dipercayai berbeza bagi warga dari negara seperti Indonesia, China, Vietnam, Pakistan, India, Myanmar dan Yaman.

Menurut sumber, bagi mengelak komunikasi mereka dikesan, penguat kuasa dan sindiket menggunakan beberapa kod nama khas seperti 'school boy', salak, limau, laici, karpas, kicap, roti canai, junta dan ayam' merujuk warganegara kumpulan yang akan masuk ke negara ini bagi urusan di laluan kaunter khas.

Katanya, mereka turut meng-

Sindiket 'buka kaunter' seludup warga asing tumpas



Keratan akhbar BH, semalam.

gunakan kod sulit 'lembu' merujuk pembayaran wang rasuah daripada sindiket, manakala 'durian' merujuk upah pegawai penguat kuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 2 (KLIA2) yang melepaskan warga asing berkenaan.

"Menerusi MO (modus operandi) ini, pegawai penguat kuasa di kedua-dua terminal berkenaan menerima senarai nama serta gambar pasport kumpulan warga asing yang akan tiba ke negara ini menerusi WhatsApp daripada sindiket.

"Sebaik tiba, kumpulan itu diarah ke kaunter tertentu bagi tujuan pelepasan masuk dan diberikan cap menetap 30 hari atau cap terbuka untuk tinggal tujuh hari.

"Selepas itu, warga asing berkenaan dibenarkan keluar dan diambil ejen sindiket untuk dibawa ke destinasi masing-masing," katanya.

Menurut sumber, sebaik urusan kemasukan kumpulan warga asing selesai, sindiket membuat bayaran secara tunai atau pin-

dahan ke dalam akaun perbankan pegawai penguat kuasa terbabit atau ke akaun milik proksi atau syarikat tertentu dalam tempoh satu hingga dua hari.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki tidak menolak kemungkinan ada penahanan selanjutnya.

Katanya, SPRM sedang menegakan pegawai penguat kuasa lain yang terbabit dalam sindiket terbabit dan dijangka ramai lagi dipanggil untuk membantu siasatan.

Bagaimanapun, warga asing yang mendapat layanan melalui modus operandi itu sudah lepas dan sukar untuk dikesan.

Aspek penempatan anggota

Sementara itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedia melaksanakan pusingan kerja lebih kerap khusus kepada agensi tertentu bagi mengelak berlaku pelanggaran integriti, susulan penahanan beberapa anggota

Jabatan Imigresen Selasa lalu.

Menyifatkan isu rasuah dan pelanggaran integriti sebagai buruk, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pihaknya akan melihat lebih mendalam aspek penempatan anggota dan pegawai agensi berkenaan.

"Di sebalik penegasan berulang kali, tapi masih berlaku lagi. Kami akan melihat lagi aspek dari sudut penempatan, malah Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) tekankan soal pusingan kerja bagi mengelak bahagian tertentu yang berlama-lama di suatu tempat yang mungkin mengundang keadaan (pelanggaran integriti), tanpa kita prejudis," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat KDN di sini, semalam.

SPRM sebelum ini membongkar kegiatan sindiket membawa masuk warga asing melalui pintu masuk negara tanpa pemeriksaan pihak berkuasa, dipercayai

turut didalangi beberapa individu sebuah agensi penguat kuasa.

Sindiket berkenaan dipercayai didalangi beberapa penguat kuasa sebuah agensi yang bertugas di pintu masuk negara, menjadi tali barut bagi melepaskan kumpulan warga asing yang tiba tanpa melalui prosedur ditetapkan menerusi modus operandi *counter setting*.

Katanya, mereka yang ditahan membabitkan empat pemilik syarikat dan tiga orang awam serta lima penguat kuasa bertugas di KLIA2.

Sementara itu, Saifuddin berkata, KDN akan mengkaji semula Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969 bagi memberi peluang kedua kepada individu yang tersenarai di bawah akta berkenaan.

Beliau berkata, semakan itu untuk membolehkan mereka yang memiliki rekod jenayah atau tersenarai dalam orang tidak diingini meneruskan kehidupan tanpa halangan seperti memohon pekerjaan atau perniagaan.

Beliau berkata, ini membabitkan individu pelbagai kategori seperti golongan yang pernah disiasat dalam kes jenayah namun tidak didakwa, mereka yang dihukum atas suatu kesalahan jenayah serta mereka yang ditahan mengikut undang-undang pencegahan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bukan semua individu boleh dibersihkan daripada senarai di bawah akta terbabit.

Perdana Menteri tekankan soal pusingan kerja bagi mengelak bahagian tertentu yang berlama-lama di suatu tempat yang mungkin mengundang keadaan (pelanggaran integriti), tanpa kita prejudis



Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri

BERITA HARIAN
Tarikh...2.3.AUG.2024...

e-Invois tingkat kutipan cukai sehingga RM260b

23/8 BH

Pelaksanaan e-Invois boleh membawa peningkatan hasil cukai dengan kutipan dijangka boleh mencecah RM260 bilion atau lebih menjelang 2025 berdasarkan andaian pertumbuhan lapan peratus, demikian menurut TA Securities.

Firma penyelidikan pasaran itu berkata, e-Invois mempercepatkan proses perakaunan cukai, justeru pihaknya memuji sistem itu memandangkan ia dijangka mengurangkan penipuan tuntutan dan meningkatkan pematuhan pembayar cukai.

Ia berkata, setelah rangka kerja dan dasar untuk operasi sya-

rikat disediakan, e-Invois boleh mengurangkan kelewatan, isu kebolehkesanan dan ralat berkaitan dengan dokumentasi manual, sekali gus mengurangkan halangan birokrasi.

Katanya, meskipun sukar untuk mengira secara langsung impaknya, ia percaya e-Invois membantu kerajaan mencapai sasaran kutipan cukai 2024 sebanyak RM243.6 bilion.

"Pada suku pertama tahun ini, Malaysia mencatatkan hasil hampir RM70 bilion dengan RM36.9 bilion daripada cukai langsung, RM15.7 bilion daripada cukai tidak langsung dan baki adalah ha-

sil bukan cukai.

"Dengan mengandaikan pertumbuhan lapan peratus, kutipan cukai boleh mencecah RM260 bilion atau lebih pada 2025.

"Ini akan disokong pertumbuhan ekonomi kukuh dan langkah diambil untuk terus meningkatkan mobilisasi hasil dengan meluaskan asas cukai serta menambah baik pematuhan cukai dan ketelusan.

"Butiran lanjut mengenai unjuran akan digariskan dalam laporan Pratonton Belanjawan 2025," katanya dalam satu nota penyelidikan, semalam.

Pada 2023, kutipan cukai yang

disemak adalah RM229.2 bilion.

Kerajaan bersetuju menguatkuasakan e-Invois secara mandatori kepada pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta mulai 1 Ogos 2024.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pembayar cukai mengikut kategori pendapatan selainnya akan dibuat secara berfasa dengan sasaran pelaksanaan menyeluruh mulai 1 Julai 2025.

Inisiatif e-Invois di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 diperkenalkan seiring Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan

(NESR) 2.0 dan Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN).

Awal bulan ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata peniaga kecil yang mempunyai jualan tahunan bawah RM150,000 tidak perlu mengeluarkan e-Invois buat sementara waktu.

Beliau berkata, kerajaan mengambil maklum proses untuk mengadaptasi pelaksanaan e-Invois memerlukan tempoh panjang berikutan cabaran dan kekangan dihadapi, terutama bagi peniaga kecil seperti peniaga pisang goreng, gerai tepi jalan atau perniagaan dari rumah ke rumah.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 23 AUG 2024

Kerjasama semua pihak jayakan pelan tangani perubahan iklim

Mohamed
Khatif Tawaf,
Kolej Pengajian
Kejuruteraan,
UITM Cawangan
Johor

Perubahan iklim adalah isu global yang memberi kesan terhadap pelbagai sektor di seluruh dunia. Satu daripada puncanya disebabkan kekerapan berlakunya bencana alam. Dalam hal ini meskipun ia berlaku sebagai sebahagian fenomena alam misalnya banjir besar, namun ia masih memberi kesan kemusnahan yang dahsyat kepada harta benda juga kehidupan manusia.

Namun, kejadian bencana alam juga boleh dipengaruhi oleh aktiviti manusia selain itu ia mampu terjadi disebabkan faktor geologi dan persekitaran.

Misalnya, pemanasan global adalah kesan utama perubahan iklim yang menyebabkan peningkatan penyejatan air laut dan air di permukaan tanah. Hasilnya, kadar kelembapan atmosfera semakin meningkat seterusnya mengakibatkan peningkatan kekerapan dan keamatan hujan.

Secara tidak langsung kesan utama daripada fenomena ini adalah peningkatan risiko berlakunya banjir kilat di sesebuah kawasan terutama apabila berlaku hujan lebat walaupun dalam tempoh yang singkat.

Peningkatan jumlah hujan menyebabkan sistem saliran tidak dapat menampung penambahan jumlah air yang banyak dan cepat seterusnya menyebabkan berlaku limpahan hingga banjir.

Antara kesan utama perubahan iklim terhadap bencana alam adalah peningkatan kejadian tanah runtuh. Tanah runtuh adalah fenomena yang kompleks dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti topografi, geologi dan persekitaran. Lazimnya kejadian tanah runtuh tercetus disebabkan faktor hujan, aktiviti seismik dan pencairan salji. Hujan adalah faktor utama pemicu tanah runtuh di Ma-

aysia. Peningkatan jumlah dan kekerapan hujan secara tidak langsung menyebabkan pertambahan kes tanah runtuh dengan kesan kemusnahan yang semakin besar.

Bencana alam

Peningkatan jumlah hujan menyebabkan lapisan tanah cerun diresapi air semakin meningkat seterusnya mengganggu kestabilan cerun yang boleh mencetuskan runtutan.

Selain, kesan utama perubahan iklim adalah peningkatan paras laut yang memberi kesan secara langsung kepada pertambahan kejadian banjir dan hakisan pantai. Pemanasan global menyebabkan peningkatan suhu dan pencairan ais kutub yang mencetuskan kenaikan paras laut secara global. Peningkatan arus laut yang lebih tinggi adalah ancaman kritikal terutama bagi kawasan pantai. Hal ini disebabkan kemampuannya menyebabkan peningkatan kadar hakisan dan banjir, seterusnya boleh memusnahkan infrastruktur dan kehilangan tanah di kawasan terbabit.

Lebih membimbangkan, peningkatan kadar hakisan pantai juga boleh menggugat kestabilan cerun dan tebing di kawasan sekitar seterusnya mencetuskan bencana tanah runtuh. Selain daripada itu peningkatan aras laut menyebabkan kesan bencana alam lain seperti tsunami menjadi semakin buruk. Ia disebabkan ombak yang dihasilkan adalah semakin besar dan membawa kemusnahan semakin dasyat.

Perubahan iklim mempunyai hubungan yang sangat kompleks dengan fenomena bencana alam. Walau bagaimanapun kesan hubungan ini memberi impak besar kepada pembangunan negara dan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak ber-

tanggungjawab. Memahami kesan perubahan iklim terhadap bencana alam dapat membantu merencanakan strategi mitigasi dan adaptasi yang mampu dilaksanakan. Ia bagi mengurangkan risiko dan kerugian disebabkan oleh bencana alam.

